

**TEKS UCAPAN KETUA PENGARAH APMM SEMPENA PERHIMPUNAN
BULANAN APMM DI AUDITORIUM TINGKAT 11 IBU PEJABAT APMM
PADA 5 JANUARI 2010**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI

YANG MULIA DAN YANG BERBAHAGIA DATO'-DATO' TIMBALAN –
TIMBALAN KETUA PENGARAH,
YANG DIHORMATI KETUA-KETUA PENGUATKUASA MARITIM
WILAYAH,
PENGARAH-PENGARAH CAWANGAN, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN
WARGA MARITIM MALAYSIA YANG SAYA KASIHI SEKALIAN.

1. BERSYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA
DI ATAS RESTU PENGURNIAANNYA KITA SAMA-SAMA DAPAT
BERKUMPUL DI AUDITORIUM INI BERSEMPENA DENGAN MAJLIS
PERHIMPUNAN BULANAN WARGA APMM PADA DEKAD YANG BARU
TAHUN 2010 INI BUAT KALI PERTAMANYA. SAYA MENGAMBIL
KESEMPATAN DI SINI **MENGUCAPKAN SELAMAT TAHUN BARU 2010
KEPADA SEMUA YANG HADIR** DI AUDITORIUM INI DAN JUGA
KEPADA SEMUA WARGA APMM DI SETIAP WILAYAH MELALUI
SIDANG VIDEO SECARA LANGSUNG INI. DIHARAPKAN DEKAD BARU

TAHUN 2010 INI AKAN MEMBERIKAN KITA SEMUA LEBIH KEHARMONIAN, KESEJAHTERAAN DAN KEJAYAAN YANG BERTERUSAN.

YM / YBHG DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

DI PERTEMUAN PADA KALI INI, SAYA INGIN MENYAMPAIKAN BEBERAPA PERKARA UNTUK PERHATIAN, MAKLUMAN DAN RENUNGAN KITA BERSAMA.

SAYA INGIN MENJEMPUT YM / Y.BHG DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN **MENGIMBAS ATAU MERENUNG KEMBALI PENCAPAIAN AGENSI KITA SEPANJANG TAHUN 2009.**

2. **PRESTASI AGENSI** SAMADA CEMERLANG ATAU KURANG CEMERLANG, BANYAK BERGANTUNG KEPADA TAHAP PENCAPAIAN OPERASI ATAU PENGUATKUASAAN YANG TELAH DILAKSANAKAN. PETUNJUK PENCAPAIAN OPERASI TAHUN 2010 AMAT MEMBERANSANGKAN DI MANA BANYAK TANGKAPAN DAN PENAHANAN TELAH BERJAYA KITA LAKUKAN. KEJAYAAN – KEJAYAAN INI TELAH BANYAK MENDAPAT LIPUTAN SECARA MELUAS OLEH MEDIA-MEDIA TEMPATAN MAHUPUN LUAR NEGARA. TAHANAN DAN TANGKAPAN INI ADALAH MELIBATKAN KES-KES LAZIM SEPERTI KESALAHAN TIADA PERMIT, PENCEROBOHAN NELAYAN ASING, PENYELUDUPAN BARANG, PENDATANG TANPA IZIN DAN JUGA YANG LEBIH MENDAPAT LIPUTAN PADA TAHUN 2009

IAITU KES PENYELUDUPAN MANUSIA KELUAR DARI NEGARA INI KE NEGARA KETIGA. DI SAMPING ITU, TIDAK LUPA JUGA KEJAYAAN-KEJAYAAN YANG TELAH KITA CAPAI DENGAN CEMERLANG DALAM KES-KES OPERASI Mencari dan Menyelamat. Kejayaan dan Pencapaian ini jelas menunjukkan kita berada di landasan yang betul dan berupaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, meskipun masih dianggap sebuah agensi baru ditubuhkan dan banyak kekurangan khususnya dari segi pemilikan aset, infrastruktur dan sumber manusia. Syabas saya ucapkan kepada semua lapisan warga Maritim Malaysia di atas pencapaian yang cemerlang pada tahun 2009.

YM / YBHG DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

3. KERJASAMA DAN KOMITMEN DARI SEMUA LAPISAN WARGA MARITIM MALAYSIA DALAM USAHA MENINGKATKAN LAGI imej agensi ini hendaklah dilakukan dan dilaksanakan secara berterusan. Bagi memantap dan meningkatkan pencapaian prestasi agensi agar lebih cemerlang dalam tahun 2010 ini dan seterusnya, saya merasakan perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

A. PENINGKATAN BERTERUSAN DALAM USAHA MEMPROMOSIKAN MARITIM MALAYSIA KEPADA UMUM DI PERINGKAT DALAM NEGARA MAHUPUN ANTARABANGSA

MENGAMBIL PENDEKATAN-PENDEKATAN MELALUI CAWANGAN PERHUBUNGAN RAYA (PRO) SEPERTI BERIKUT:

LANGKAH PERTAMA ADALAH MELALUI PROMOSI DAN PUBLISITI:

1.1 **OBJEKTIF.** USAHA AKAN TERUS DIPERTINGKATKAN UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF UTAMA IAITU MEMAKLUMKAN KEPADA RAKYAT BAHAWA APMM ADALAH SEBUAH AGENSI PENGUATKUASA MARITIM YANG MELAKSANAKAN PENGUATKUASAAN LEBIH SERATUS UNDANG-UNDANG PERSEKUTUAN DI ZON MARITIM MALAYSIA SERTA SEBUAH AGENSI YANG MENYELARASKAN OPERASI MENCARI DAN MENYELAMAT DALAM ZON MARITIM MALAYSIA DAN LAUT LEPAS.

1.2 **MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK.** SEMUA MAKLUMAT BERKAITAN OPERASI TANGKAPAN, SAR, AKTIVITI LATIHAN, PENDIDIKAN, KEMASYARAKATAN DAN LAIN-LAIN AKTIVITI RASMI AGENSI HENDAKLAH DISALURKAN KEPADA MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK TEMPATAN. PADA TAHUN 2009, SEBANYAK 758 BERITA APMM TELAH DISIARKAN OLEH MEDIA CETAK DAN 228 BERITA DISIARKAN OLEH MEDIA ELEKTRONIK. SELAIN ITU, MEDIA ELEKTRONIK DARI RTM DAN TV3 TELAH MENYIARKAN 18 PROGRAM KHAS APMM.

1.3 **PORTAL DAN MAJALAH SATRIA MARITIM.** MAKLUMAT-MAKLUMAT YANG SAMA JUGA PERLU DISALURKAN KE PORTAL DAN MAJALAH AGENSI UNTUK DIHEBAHKAN KEPADA WARGA APMM DAN MASYARAKAT LUAR.

1.4 **PAMERAN.** AGENSI AKAN MENGANJUR DAN MENYERTAI AKTIVITI PAMERAN DI PERINGKAT NASIONAL, NEGERI, WILAYAH DAN DAERAH. PADA TAHUN 2009, AGENSI TERMASUK IBUPEJABAT, WILAYAH DAN DAERAH TELAH MENYERTAI 64 PAMERAN DI SELURUH MALAYSIA.

1.5 **MENINGKATKAN KERJASAMA BAIK DENGAN PIHAK MEDIA.** MENGANJURKAN AKTIVITI-AKTIVITI DENGAN PIHAK MEDIA DARI MASA KE SEMASA UNTUK MENINGKATKAN PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA JITU DI ANTARA KEDUADUA PIHAK. ANTARA AKTIVITI YANG BOLEH DIADAKAN IALAH SUKAN, LAWATAN, HARI BERSAMA MEDIA, MAJLIS BERBUKA PUASA, MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA, MAJLIS PENGHARGAAN MEDIA DAN AKTIVITI KEMASYARAKATAN.

LANGKAH KEDUANYA PULA IALAH DENGAN USAHA MEMPERTINGKATKAN KEHARMONIAN DAN HUBUNGAN BAIK AGENSI DENGAN MASYARAKAT LUAR MELALUI KAEDAH BERIKUT:

2.1 **PEMANTAUAN.** MEMBUAT PEMANTAUAN BERTERUSAN DI INTERNET, MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK BERKAITAN

BERITA/MAKLUMAT NEGATIF TENTANG APMM UNTUK DIAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA.

2.2 AKTIVITI JIWA MURNI/KEMASYARAKATAN. MENGANJURKAN AKTIVITI-AKTIVITI YANG LEBIH BERKESAN DI KAWASAN-KAWASAN YANG TELAH DIKENALPASTI SEBAGAI KEMPEN GERAKSARAF DAN *POLICING COMMUNITY*.

2.3 MAKLUMBALAS MASYARAKAT. MENJALANKAN KAJIAN SOAL SELIDIK UNTUK MEMPEROLEHI MAKLUMBALAS DAN PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP APMM. KAJIAN INI JUGA BOLEH DIJADIKAN KAYU PENGUKUR KEBERKESANAN APMM.

2.4 PENGURUSAN ADUAN. MEMPERBAIKI KECEKAPAN PENGURUSAN ADUAN SEBAGAI SALAH SATU KAEDAH MENINGKATKAN KEUPAYAAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AGENSI. SEPANJANG TAHUN 2009, 50 ADUAN TELAH DISALURKAN KE AGENSI YANG MERANGKUMI ISU-ISU PENGUATKUASAAN, PENGURUSAN DAN PENYELEWENGAN. ADUAN TELAH BERJAYA DISELESAIKAN DALAM TEMPOH 15 HARI BEKERJA IALAH SEBAYAK 75 PERATUS DARIPADA KESELURHAN ADUAN.

B. PELAKSANAAN OPERASI PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG MARITIM DAN OPERASI Mencari dan Menyelamat Dilakukan Secara Optimum dan Berkesan Bagi

**MENENTUKAN ZON MARITIM MALAYSIA SELAMAT DAN AMAN
UNTUK PENGGUNA.**

**YM / YBHG DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA
HORMATI SEKALIAN**

4. DI SAMPING KITA MENGIMBAS DAN MERENUNG SETIAP KEJAYAAN YANG TELAH KITA KECAPI, JANGANLAH PULA KITA ALPA DAN LEKA DENGAN KELEMAHAN SERTA PERKARA-PERKARA YANG MASIH BELUM TERCAPAI DALAM TAHUN 2009 YANG LALU. KITA PERLULAH MENGAMBIL IKHTIBAR DAN PENGAJARAN DARIPADA KEGAGALAN TERSEBUT. SETIAP PERINGKAT DI AGENSI PERLULAH MELAKUKAN *SELF AUDIT* KE ATAS-ATAS PERKARA YANG TELAH DIRANCANG TETAPI TIDAK TERLAKSANA, DENGAN JUGA MENGAMBIL KIRA TEGURAN SERTA PEMERHATIAN YANG DIBUAT OLEH TIM AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI SEBELUM INI. SAYA BERHARAP SETIAP PERKARA YANG TELAH DIRANCANG TATAPI TIDAK TERCAPAI PELAKSANAANNYA DALAM TAHUN 2009 DISEBABKAN OLEH PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN SERTA KEKANGAN YANG DIHADAPI, HENDAKLAH DIKAJI SEMULA DAN SEKIRANYA PERLU HENDAKLAH DI BAWA KE TAHUN 2010 INI UNTUK DITERUSKAN PELAKSANAANNYA.

**YM / YBHG DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA
HORMATI SEKALIAN**

5. PERKARA LAIN YANG PERLU KITA TEKANKAN IALAH **PERIHAL BUDAYA KERJA** KITA.

A. **MENITIK BERATKAN PROFESIONALISMA** DALAM MELAKSANAKAN SETIAP TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB.

B. SAYA SERING MENGINGATKAN TUAN-TUAN DAN PUAN PUAN AGAR SENTIASA MEMBUAT KERJA BETUL DENGAN BETUL; MENEPATI MASA PADA KALI PERTAMA DAN SENTIASA (***DO THE RIGHT THINGS RIGHT THE FIRST TIME AND EVERY TIME***). INI HENDAKLAH DIHAYATI DAN DIJADIKAN SEBAGAI ETIKA KERJA HARIAN.

C. DALAM MASA YANG SAMA PELBAGAI ARAHAN TELAH KITA KELUARKAN BAGI MEMASTIKAN **OUTPUT KERJA** KITA SENTIASA MANTAP DAN DITAMBAHBAIK SECARA BERTERUSAN SERTA MEMATUHI PROSEDUR-PROSEDUR SEMASA. SEHUBUNGAN INI SAYA MEMINTA SEMUA LAPISAN WARGA APMM AGAR AKUR DAN MEMATUHI ARAHAN-ARAHAN INI SUPAYA PROSES DAN PROSEDUR KERJA HARIAN KITA SENTIASA BERLANDASKAN LUNAS-LUNAS PENGURUSAN YANG DITETAPKAN.

D. MEMPRAKTIKAN BUDAYA KERJA DAN TATACARA SENGARAAN YANG BETUL DAN BERTERUSAN DALAM MEMASTIKAN KESIAGAAN ASET SENTIASA DI TAHAP YANG TERBAIK.

E. DI SAMPING MEMATUHI PROSEDUR-PROSEDUR YANG DITETAPKAN, KEUTAMAAN KERJA HENDAKLAH SENTIASA DITITIKBERATKAN. KERJA-KERJA TIDAK SEHARUSNYA TERTANGGUH ATAU SENGAJA DITANGGUHKAN KHUSUSNYA YANG MELIBATKAN KEBAJIKAN WARGA APMM. BAGI SAYA ASPEK KEBAJIKAN MERUPAKAN ELEMEN PENTING DALAM KEUTUHAN SESEBUAH ORGANISASI DAN SEKIRANYA DIABAIKAN ATAU KURANG DIENDAHKAN TENTU SEKALI IA MAMPU MELUMPUHKAN APMM SECARA KESELURUHANNYA. PENDEKATAN SECARA *PERSONEL TOUCH* DI ANTARA PEGAWAI DAN ANGGOTA BOLEH DILAKSANAKAN SECARA BIJAKSANA. SAYA JUGA INGINKAN AGAR KERJASAMA DAN SOKONGAN KEPADA PERANAN PUSPANITA DI DALAM MEMASTIKAN KEBAJIKAN WARGA APMM, TERUS DIPERTINGKATKAN AGAR BADAN PUSPANITA APMM INI KHUSUSNYA DAPAT BERFUNGSI SECARA MELUAS.

F. **MENINGKATKAN INTEGRITI SETIAP ANGGOTA** DENGAN KURSUS KESEDARAN DAN KETEGASAN MENJATUHKAN HUKUMAN BAGI SETIAP PELANGGARAN UNDANG-UNDANG.

G. KITA MESTI MEMPUNYAI ***SENSE OF URGENCY*** DALAM MENYEMPURNAKAN SEMUA TUGASAN DAN TIDAK MUDAH MEMBERI ALASAN KERJA-KERJA TERTANGGUH ADALAH KERANA MENUNGGU KELULUSAN/KEPUTUSAN JABATAN/AGENSI LAIN YANG BERKAITAN. KITA TIDAK BOLEH

MEMBIARKAN DIRI KITA MENUNGGU KEPUTUSAN JABATAN/AGENSI LAIN MENGIKUT RENTAK MEREKA. ADALAH WAJAR GESAAN DEMI GESAAN DIBUAT DARI SEMASA KE SEMASA BAGI MEMASTIKAN PROSES KERJA DISEMPURNAKAN TANPA LENGAH DAN MENEPATI *SENSE OF URGENCY* KITA. KITA JUGA HARUS TEGUR-MENEGUR ANTARA SATU SAMA LAIN SUPAYA KITA SAMA-SAMA MEMANTAPKAN *OUTPUT* KERJA KITA SERTA MEMATUHI *URGENCY* YANG DIPERLUKAN.

6. SAYA JUGA INGIN MENYAMPAIKAN BEBERAPA PERKARA UNTUK MAKLUMAN SEMUA WARGA MARITIM MALAYSIA SEPERTI BERIKUT:

1. *STAR RATING*

1.1 AGENSI TELAH DIPILIH MENYERTAI PERTANDINGAN *STAR RATING* DAN AKAN MENGEMUKAKAN LAPORAN KEPADA MAMPU PADA 7/1/2010. SEMUA PEGAWAI DI IBU PEJABAT/WILAYAH/DAERAH DIMINTA MEMBERI PERHATIAN DAN KERJASAMA SEPENUHNYA DALAM PERKARA INI. DIJADUALKAN PEMERIKSAAN OLEH MAMPU AKAN DIBUAT DI IBU PEJABAT/WILAYAH/DAERAH PADA BULAN MAC 2010.

2. PERBELANJAAN BERHEMAH

- 2.1 PERLU RANCANG PERBELANJAAN YANG MELIBATKAN T&T KERANA KEKANGAN PERUNTUKAN. DENGAN ITU PERBELANJAAN BAGI MESYUARAT/AKTIVITI YANG DIBUAT PERLU DIRANCANG DAN BERBELANJA DENGAN CERMAT DAN TELITI UNTUK MENGURANGKAN KOS.
- 2.2 PENGGUNAAN TELEFON/AIR/ELEKTRIK WAJAR DIBUAT SECARA BERHEMAH. PENGGUNAAN ELEKTRIK PERLU DIKAWAL UNTUK ELAKKAN PEMBAZIRAN. PADAM LAMPU JIKA TIDAK ADA KEPERLUAN.
- 2.3 PENGGUNAAN KERETA JABATAN HENDAKLAH DIOPTIMUMKAN.
- 2.4 PENGGUNAAN KERTAS/PERALATAN HENDAKLAH DILAKUKAN DENGAN BERHEMAH.
- 2.5 PENGGUNAAN KENDERAAN PEJABAT PERLU DIKAWAL LEBIH KETAT. RANCANG PERJALANAN SECARA BERKELOMPOK/BERKUMPULAN.

7. INGIN JUGA SAYA MEMAKLUMKAN KEPADA SEMUA BERHUBUNG PERKEMBANGAN DALAM CAWANGAN OPERASI UDARA APMM IAITU:

A. EMPAT KOMANDER PESAWAT HELIKOPTER PINJAMAN TUDM TELAH BERJAYA MENAMATKAN LATIHAN PERALIHAN '*TYPE*' UNTUK PESAWAT DAUPHIN. MEREKA BERSAMA TUJUH LAGI JURUTERBANG PINJAMAN PASUKAN UDARA TENTERA DARAT (PUTD) SEDANG MENJALANI LATIHAN PERALIHAN OPERASI PESAWAT DAUPHIN MELALUI KONTRAK KHIDMAT LATIHAN NAVFCO DENGAN EUROCOPTER MALAYSIA.

B. PESAWAT PERTAMA CL 415, M71-01 TELAH SELAMAT DIHANTAR KE KANADA PADA 23 DIS 2009 SETELAH DITERBANGKAN DARI MALAYSIA PADA 14 DIS 09 MELIBATKAN DUA JURUTERBANG APMM. PESAWAT AKAN MENJALANI PROGRAM MODIFIKASI DAN PEMASANGAN PERALATAN MISI YANG AKAN MENGAMBIL MASA SEKURANG-KURANGNYA 6 BULAN. PESAWAT PENUH MISI CL415 KEDUA MASIH MENJALANI PENGECATAN SEMULA DI KEMUDAHAN AIROD DAN DIJANGKA DISIAPKAN PADA 5 JAN 2010 SEBELUM PROGRAM PENERIMAAN DAPAT DILAKSANAKAN.

C. PROGRAM LATIHAN ASAS JURUTERBANG MELIBATKAN 10 PELATIH JURUTERBANG HELIKOPTER SIRI PERTAMA TELAH BERJAYA MEMASUKKI MODUL KEDUA IAITU ASAS HELIKOPTER. UNTUK PROGRAM LATIHAN PENGAMBILAN SIRI KE-2 MELIBATKAN 5 PELATIH JURUTERBANG HELIKOPTER, 5 PELATIH JURUTERBANG *FIXED-WING* DAN 4 PELATIH PEGAWAI SISTEM UDARA TELAH MEMASUKKI FASA PENERBANGAN *PRIVATE PILOT LICENCE* (PPL) MODUL PERTAMA. LATIHAN ASAS *AIRCREWMAN* DAN PERENANG

PENYELAMAT PENGAMBILAN SIRI PERTAMA YANG MENGALAMI KELEWATAN AKIBAT KETIADAAN PESAWAT KINI DAPAT DITERUSKAN SETELAH PIHAK AKEDEMI DAPAT MENYEDIAKAN PESAWAT YANG DIPERLUKAN. DENGAN PERKEMBANGAN INI, LATIHAN YANG MELIBATKAN 11 PELATIH AIRCREWMAN DAN 9 PELATIH PERENANG PENYELAMAT AKAN MEMULAKAN MODUL PENERBANGAN DALAM MASA TERDEKAT DAN DIJANGKA DAPAT MENAMATKAN LATIHAN DALAM MASA 2 BULAN.

8. DALAM URUSAN KEWANGAN DAN BELANJAWAN PULA SAYA INGIN BERKONGSI MAKLUMAT DENGAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DALAM PERKARA-PERKARA BERIKUT:

A. APMM TELAH DILULUSKAN BAJET BELANJA MENGURUS 2010 SEBANYAK RM299,640,000. TIADA PERUNTUKAN DI BAWAH DASAR BARU DAN DASAR *ONE-OFF*.

B. PERUNTUKAN RM299,640,000 BERKURANGAN SEBANYAK RM70 JUTA (19 %) BERBANDING PERUNTUKAN KESELURUHAN TAHUN 2009 SEBANYAK RM369,940,00. SEKIRANYA MENGAMBILKIRA KEPERLUAN DI BAWAH DASAR BARU DAN ONE-OFF, KEKURANGAN PERUNTUKAN BERJUMLAH RM150 JUTA.

C. DARIPADA JUMLAH PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN, SEBANYAK RM124,998,300 (41 %) ADALAH UNTUK BAYARAN EMOLUMEN. HANYA RM173 JUTA (57 %) SAHAJA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK AKTIVITI-AKTIVITI APMM 2010.

D. SEMUA WARGA APMM MESTILAH MEMAHAMI KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA SEMASA DAN MENERIMA HAKIKAT PERUNTUKAN 2010 ADALAH AMAT TERHAD. JABATAN PERDANA MENTERI DAN KEMENTERIAN KEWANGAN TIDAK AKAN MENIMBANG PERMOHONAN PERUNTUKAN TAMBAHAN KECUALI BAGI KEPERLUAN TERTENTU YANG MEMERLUKAN JUSTIFIKASI KONKRIT.

E. MENYEDARI HAKIKAT INI, PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN MESTILAH DIBELANJAKAN DENGAN PENUH BERHEMAT. SEMUA PERATURAN-PERATURAN KEWANGAN DAN PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN DAN ARAHAN KETUA PENGARAH APMM MESTI DIPATUHI SEPENUHNYA.

F. DALAM MERANCANG PEROLEHAN, PERANCANGAN PERLULAH DILAKSANAKAN SECARA TERPERINCI DENGAN MENGAMBIL KIRA BAJET, PERATURAN DAN PEKELILING SEMASA SERTA LAIN-LAIN ARAHAN DARIPADA AGENSI PUSAT ATAU PENTADBIRAN JABATAN. PERANCANGAN PEROLEHAN INI TIDAK BOLEH DIBUAT SECARA AD HOC ATAU SECARA TERGESA-GESA BAGI MENGELAKKAN MASALAH-MASALAH BERKAITAN PENGURUSAN KEWANGAN.

G. ANTARA LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN YANG AKAN DIAMBIL IALAH;

1. BELANJA SECARA BERHEMAH DAN TANPA PEMBAZIRAN. MENGAMALKAN PRINSIP “BELANJA BILA PERLU” SAHAJA;

2. TIDAK BERBELANJA MELEBIHI PERUNTUKAN DAN TINDAKAN SURCAJ BOLEH DIKENANKAN KE ATAS PEGAWAI YANG BERBELANJA MELEBIHI PERUNTUKAN
3. MERANCANG OPERASI/PROGRAM DENGAN TELITI DAN BERKESAN BERDASARKAN PERUNTUKAN. SEBAGAI CONTOH, OPERASI PELAYARAN KAPAL PERLU DITELITI SEMULA DENGAN MENGAMBIL KIRA KEKANGAN KEWANGAN;
4. PROGRAM/JADUAL DIRANCANG DENGAN BAIK BAGI MEMINIMUMKAN PERGERAKAN PEGAWAI/ANGGOTA, CONTOH: URUSAN PENGUJIAN, TEMUDUGA DAN OPERASI PELAYARAN KAPAL JUGA PERLU DITELITI SEMULA DENGAN MENGAMBIL KIRA KEKANGAN KEWANGAN.
5. PERPINDAHAN/PERTUKARAN ANGGOTA MENGIKUT KEPERLUAN DAN PADA KADAR MINIMUM AGAR TIDAK MELIBATKAN KOS PERPINDAHAN YANG TINGGI TERUTAMANYA YANG MELIBATKAN PERPINDAHAN ANTARA WILAYAH;
6. AGENSI AKAN MENYEMAK SEMULA PERTUKARAN YANG DIKELUARKAN BERDASARKAN KEMAMPUAN PERUNTUKAN;
7. MENGAWAL DAN MENGHADKAN PERBELANJAAN PERJALANAN KHUSUSNYA PERJALANAN YANG MENGGUNAKAN

KAPAL TERBANG HANYA BAGI YANG SANGAT PERLU SAHAJA. DIGALAKKAN MENGGUNAKAN AIR-ASIA SEKIRANYA KADAR TAMBANG LEBIH MURAH;

8. AKAN MENELITI KEMUDAHAN TAMBANG PERCUMA ANGGOTA DARIPADA SEKALI SETAHUN KEPADA 2 TAHUN SEKALI BERGANTUNG KEPADA KEMAMPUAN KEWANGAN;

9. PEROLEHAN BEKALAN/PERKHIDMATAN MENGIKUT KEPERLUAN SEBENAR DAN MENGIKUT KEUTAMAAN; DAN

10. KAWALAN DAN PEMANTAUAN BERTERUSAN KE ATAS PENGGUNAAN BEKALAN PEJABAT, UTILITI (TELEFON, AIR, ELEKTRIK) DAN SEBAGAINYA.

9. SABAGAI MAKLUMAN TERAKHIR, SAYA INGIN MAMA KLUMKAN IAITU **SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN KELIMA APMM** AKAN DISAMBUT PADA 15 FEBRUARI 2010. NAMUN, DISEBABKAN PADA 15 DAN 16 FEBRUARI ADALAH MERUPAKAN HARI CUTI UMUM SEMPENA TAHUN BARU CHINA, MAKA SAMBUTAN INI AKAN DIADAKAN PADA 19 FEBRUARI 2010 YANG JUGA MASIH BERTEMPAT DI WILAYAH MARITIM TIMUR KUANTAN. KITA BELUM MEMPUNYAI LOKASI YANG SESUAI UNTUK DIADAKAN MAJLIS SAMBUTAN BESAR SEBEGINI DI LOKASI LAIN SELAIN DARIPADA DI WILAYAH MARITIM TIMUR KUANTAN. SELAIN DARIPADA ACARA PERBARISAN YANG LAZIMNYA DIADAKAN SETIAP TAHUN, PADA TAHUN INI SATU EKSESAIS DALAM

YANG MELIBATKAN ASET SEPERTI KAPAL, BOT, HELIKOPTER DAN **FIXED-WING** JUGA AKAN DILAKSANAKAN DI PERAIRAN SELAT MELAKA PADA SATU TEMPOH WAKTU YANG AKAN DITETAPKAN DI AWAL FEBRUARI 2010 MENJELANG SAMBUTAN HARI MARITIM MALAYSIA TERSEBUT. DI SAMPING ITU, PELBAGAI AKTIVITI TELAH DIRANCANGKAN DENGAN MEMBERI PENEKANAN KEPADA MEMPROMOSI ATAU MEMPERKENALKAN AGENSI KEPADA UMUM. SAMBUTAN DI PERINGKAT WILAYAH JUGA AKAN DIADAKAN.

SAYA RASA CUKUPLAH DAHULU UCAPAN SAYA PADA KALI INI, SEMOGA IANYA DAPAT DIJADI RENUNGAN DAN PANDUAN UNTUK KITA MENGORAK LANGKAH DENGAN LEBIH TERATUR SEPANJANG TAHUN 2010 INI. SAYA MENDOAKAN KE HADRAT ILLAHI AGAR TAHUN 2010 INI AKAN MEMBERIKAN KITA SEMUA LEBIH KEBERKATAN, KEJAYAAN DAN KECERMERLANGAN DALAM DIRI KITA, KELUARGA SERTA MARITIM MALAYSIA KHUSUSNYA, INSYAALAH.

SEKIAN, SAYA SUDAH DENGAN

وبالله توفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته